

18/05/2002

Pertemuan perkukuh hubungan Malaysia-AS

Rejal Arbee

MINAT terhadap Malaysia oleh pelbagai pertubuhan Amerika Syarikat pada umumnya dijangka meningkat berikutan pemulihan hubungan politik pada peringkat tertinggi pemerintahan kedua-dua negara.

Hubungan ini terjejas untuk beberapa waktu kebelakangan ini kerana pandangan serong pentadbiran Clinton yang terang-terang menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mengamalkan pemerintahan bebas dan demokratik.

Perkembangan politik negara pada masa itu juga tidak menyebelahi Dr Mahathir dengan terhakisnya sokongan Melayu sendiri terhadapnya berikutan peristiwa yang membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Keadaan ini dieksploitasi dengan jayanya oleh pelbagai pihak yang menyokong serta mereka yang bersimpati dengan Anwar, ditambah pula oleh Pas yang jelas menanggung di air keruh.

Liputan oleh pelbagai media tempatan dan lebih ketara lagi media Barat memberi gambaran seolah-olah Dr Mahathir mengamalkan sikap kuku besi dan telah mengetepikan prinsip demokrasi ketika bertindak terhadap Anwar.

Tindakan susulan lainnya yang bertujuan mengekalkan suasana aman dan damai dalam negara juga digunakan, dan sengaja disalah tafsir sebagai usaha kuku besi Dr Mahathir untuk kekal berkuasa.

Rakyat dan pelbagai pertubuhan di Amerika dan tidak kurang penggubal undang-undangnya di Capitol Hill, Ahli Senat dan Kongres, disogok dengan laporan amat negatif terhadap keadaan di Malaysia ketika itu.

Tidak hairanlah persepsi mereka terhadap pentadbiran Dr Mahathir begitu jelek hingga ramai antara mereka menganggap beliau sebagai seorang diktator kejam yang akan melakukan apa saja asalkan dapat memastikan dirinya boleh terus mengekalkan jawatannya.

Liputan negatif begini, ditambah pula dengan usaha berterusan yang dilakukan pelbagai pelobi Anwar berjaya menguatkan lagi persepsi dan gambaran buruk terhadap pemerintahan Dr Mahathir.

Malah, pelobi Anwar melalui bekas penulis ucapannya, Dr Munawar Anees, dan bekas Duta Besar AS di Kuala Lumpur, John Mallot, serta beberapa pertubuhan pelobinya dikatakan berusaha secara berterusan untuk menggagalkan kunjungan ini.

Jelas usaha mereka tidak berjaya. Sebaliknya, Dr Mahathir yang mencapai kejayaan hingga dapat bertukar pandangan dengan Presiden George W Bush membabitkan berbagai isu antarabangsa.

Malah, pertemuan mereka dikatakan telah dapat mengukuhkan lagi keakraban di antara mereka.

Dr Mahathir berjaya menjelaskan pendirian Malaysia terhadap pelbagai isu antarabangsa sekarang, khusus mengenai pengganas antarabangsa serta penubuhan negara Palestin.

Difahamkan, Dr Mahathir menerangkan bahawa Presiden Palestin, Yasser Arafat, tidak harus dipinggirkan kerana beliau masih mendapat sokongan majoriti (rakyat) Palestin.

Mana-mana pemimpin baru Palestin bagi menggantikannya sebagaimana dikehendaki Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, tidak akan diterima kerana dikhuatiri sebagai pemimpin yang ditunjuk Amerika dan bimbang menjadi boneka Israel.

Dr Mahathir juga telah menjelaskan tafsirannya mengenai pengganas antarabangsa dan menerangkan betapa pentingnya sebab-sebab yang membawa belia Palestin sanggup menjadi bom manusia untuk meletupkan diri bersama orang awam Israel dikaji dan diatasi.

Dan selagi perkara ini tidak ditangani, selagi itulah serangan demikian tetap berlaku. Semangat mereka tidak akan dapat dipatahkan Israel atau mana-mana kuasa pun selagi masalah yang mereka hadapi tidak ditangani.

Pentadbiran Amerika juga ingin mendekati Dr Mahathir yang kini telah mengambil alih jawatan Pengerusi Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang dianggotai 117 negara dan tentunya mempunyai suara terbanyak dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Selain itu, beliau akan mengambil alih jawatan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berikutan sidang kemuncaknya di Kuala Lumpur tahun depan. Kedudukannya itu tentunya memberikan beliau clout sebagai jurucakap NAM dan OIC.

Perbincangannya dengan Bush mengikut jadual - iaitu selama 35 minit - tetapi walaupun pendek sebagaimana yang ditetapkan, Dr Mahathir berjaya menghuraikan pendirian Malaysia dalam pelbagai isu itu.

Pertemuan susulannya dengan pelbagai anggota pentadbiran Bush, termasuk Naib Presiden Dick Cheney, Penasihat Keselamatan Negara, Condoleezza Rice, Setiausaha Perbendaharaan, Paul O'Neill dan Setiausaha Pertahanan, Donald Rumsfeld, memberi kesempatan kepadanya menghuraikan lebih lanjut pendirian Malaysia mengenai pelbagai isu itu.

Beliau khususnya telah menekankan bahawa dalam usaha memerangi pengganas antarabangsa, ia tidak seharusnya ditumpu kepada tindakan ketenteraan saja, tetapi yang lebih penting ialah secara jangka panjang dengan mengatasi punca kebangkitan amarah rakyat Palestin.

Berikutan kunjungan itu juga, pelbagai pertubuhan yang diwujudkan untuk memantapkan lagi hubungan dua hala Malaysia-Amerika dijangka lebih bergiat untuk meningkatkan persefahaman antara mereka.

Ini termasuk Kumpulan Kerjasama Keselamatan dan Ekonomi Malaysia di kalangan anggota Kongres Amerika dan Persatuan Pertukaran Amerika-Malaysia (USMEA) yang akan bertindak sebagai golongan pelobi Malaysia di Capitol Hill dan juga di kalangan Pentadbiran Presiden Amerika.

Fungsi dua kumpulan pelobi ini amat penting dalam usaha ini kerana mereka bukan saja boleh mengusaha dan melaksanakan pelbagai program praktikal, tetapi juga boleh bertindak sebagai pelobi yang mampu mempengaruhi pentadbiran dan pelbagai agensi Amerika terhadap Malaysia.

Mereka tentunya akan menjadi rakan dan sahabat Malaysia yang boleh memberi penjelasan bagi pihak negara kepada orang dan puak yang berkepentingan di Amerika.

Diharapkan pelbagai kegiatan yang akan dilaksanakan kelak boleh sedikit sebanyak menghilangkan persepsi negatif rakyat, media dan pegawai pentadbir Amerika terhadap Malaysia.

Dan sebagaimana disimpulkan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, kunjungan itu memulakan suatu era baru dalam hubungan Malaysia-Amerika.

(END)